



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**IMPLEMENTASI DAKWAH MENERUSI PROGRAM DEKAT DI
HATI 'ANAK MALAYSIA' DI KAMPUNG MESILOU
KUNDASANG, SABAH: SATU ANALISIS**

*IMPLEMENTATION OF DA'WAH THROUGH THE PROGRAMME CLOSE TO
THE HEART OF 'ANAK MALAYSIA' IN KAMPUNG MESILOU KUNDASANG,
SABAH: AN ANALYSIS*

Jamal Adli Ahmad Shukri¹, Ahmad Nur Amsyar Zainal², Mohd Shalahudin Ismail³, Mohd Nasrun
Mohd Talib⁴, Saifulazry Mokhtar^{5*}

- ¹ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
E-mail: jamal_adli@islam.gov.my
 - ² Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
Email: amsyar@islam.gov.my
 - ³ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
Email: shalahudin@islam.gov.my
 - ⁴ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia
Email: nasrun.talib@islam.gov.my
 - ⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.03.2025
Revised date: 15.04.2025
Accepted date: 22.05.2025
Published date: 26.06.2025

To cite this document:

Shukri, J. A. A., Zainal, A. N., Ismail, M. S., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2025). Implementasi Dakwah Menerusi Program Dekat Di Hati 'Anak Malaysia' Di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah: Satu

Abstrak:

Program Dekat Di Hati 'Anak Malaysia' merupakan salah satu program amali dakwah yang wajib diikuti oleh semua pelajar Semester 6 dalam jurusan Diploma Dakwah Islamiyyah di Institut Pengajian Dakwah dan Islam Sabah (IPDAS), Keningau, Sabah. Program ini juga merupakan satu bentuk implementasi dakwah yang perlu diaplikasikan oleh pelajar setelah mempelajari teorinya dalam sesi kuliah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan dakwah yang sesuai digunakan dalam program amali dakwah, melihat cabaran yang dihadapi semasa menjalankan program amali dakwah serta cadangan penambahbaikan dalam program amali dakwah tersebut. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif iaitu menerusi kaedah turut serta, pemerhatian, kajian keperpustakaan dan temu bual. Hasil dapatan kajian ini menemui lima bentuk implementasi dakwah yang sesuai dilaksanakan di Kampung Mesilou, Kundasang iaitu menerusi Kursus

Analisis. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 864-882.

DOI: 10.35631/IJMOE.725057

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Pengurusan Jenazah, Kursus Sembelihan, Program Jom Mengaji, Program Smart Seni Islamik dan Program Kem Bestari Solat (Siri I & Siri II). Manakala cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan dakwah pula termasuklah tahap penghayatan etika yang rendah, peralatan dan perkhidmatan program yang terhad, penetapan masa yang kurang sesuai, penduduk kampung di ambang kemodenanisasi dan kedudukan geografi kampung yang mencabar. Justeru, implementasi dakwah ini dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi pendakwah dalam meneruskan syiar Islam pada masa akan datang.

Kata Kunci:

Dakwah, Dekat Di Hati, Implementasi, Kundasang, Sabah

Abstract:

The Heart of 'Anak Malaysia' program is one of the practical da'wah programs that must be attended by all Semester 6 students majoring in Diploma in Islamic Da'wah at the Sabah Institute of Da'wah and Islamic Studies (IPDAS), Keningau, Sabah. This program is also a form of da'wah implementation that needs to be applied by students after learning the theory in a lecture session. This study was conducted with the aim of identifying the appropriate da'wah approach to be used in the da'wah practice program, looking at the challenges faced during the da'wah practice program as well as suggestions for improvement in the da'wah practice program. This study uses a qualitative methodology through participation, observation, library research and interviews. The findings of this study found five forms of da'wah implementation that are suitable to be implemented in Kampung Mesilou, Kundasang, namely through the Funeral Management Course, Slaughter Course, Jom Mengaji Program, Smart Islamic Art Program and Kem Bestari Solat Program (Series I & Series II). Meanwhile, the challenges faced in carrying out da'wah include a low level of ethical appreciation, limited programme equipment and services, inappropriate timing, villagers on the verge of modernization and challenging village geography. Thus, the implementation of this da'wah can be used as a guide and reference for preachers in continuing Islamic teachings in the future.

Keywords:

Close To The Heart, Da'wah, Implementation, Kundasang, Sabah

Pengenalan

Dakwah merupakan satu seruan dalam menyebarkan syiar Islam terhadap masyarakat sama ada dalam kalangan Muslim mahupun bukan Muslim. Namun, bagi mengimplementasikan dakwah tersebut kepada masyarakat bukanlah suatu perkara yang mudah dan tidak perlu kepada ilmu dan pengalaman mengenainya. Dewasa ini, ramai dalam kalangan masyarakat kita yang lantang bersuara serta mengeluarkan pendapat dan pandangan mereka mengenai sesuatu isu semasa tanpa mengetahui susur galur cerita tersebut. Ada juga dalam kalangan mereka yang mengupas sesuatu isu dengan mengaitkan dalil al-Quran dan hadis yang tidak tepat serta bercanggah dengan maksud asalnya menerusi media sosial. Pendekatan dakwah seperti ini sebenarnya bukanlah sesuai digunakan pada setiap masa tanpa perlu kepada ilmu serta pengalaman dalam menyampaikan dakwah. Lantaran itu, para pendakwah masa kini sangat

perlu kepada pendedahan awal dalam amali dakwah agar dakwah yang dilaksanakan itu dapat menusuk kalbu masyarakat seterusnya kembali ke jalan Allah SWT (Mokhtar et al., 2022a).


Program Dekat Di Hati ‘Anak Malaysia’ 2023 merupakan kursus yang wajib di ambil oleh semua pelajar Semester 6 Diploma Dakwah Islamiyyah. Hal ini kerana, bagi melayakkan mahasiswa untuk bergraduasi. Program ini adalah di bawah kursus Amali Dakwah MPU 2613 dengan nilai mata 3 jam kredit. Tujuan Program Dekat Di Hati ‘Anak Malaysia’ ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan mengenai nilai kemasyarakatan dan juga menyantuni penduduk kampung. Pihak pengurusan IPDAS telah menentukan beberapa tempat yang sesuai untuk menjalankan Program Amali Dakwah ini. Program seperti ini sememangnya sangat diperlukan oleh para pendakwah dewasa ini kerana ia dapat mendekatkan pelajar dengan situasi dakwah yang sebenar. Justeru, program ini sekaligus dapat menepis segala kesilapan dan kesalahan pendakwah dalam menyampaikan risalah dakwah seperti yang tular dalam media sosial hari ini.

Program Dekat Di Hati ‘Anak Malaysia’ telah dilaksanakan selama dua minggu bermula 05 November hingga 18 November 2023. Program ini melibatkan kakitangan dan mahasiswa IPDAS yang terdiri seramai 30 orang kakitangan dan 94 orang mahasiswa Semester 6 Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI). Seterusnya seramai 94 orang mahasiswa ini dibahagikan mengikut zon di Ranau dan Kundasang. Antaranya Kampung Mesilou, Kampung Cinta Mata, Kampung Sumalang, Kampung Pahu dan Kampung Sosondoton. Kajian ini hanya ditumpukan di Kampung Mesilou, Kundasang dimana ia melibatkan seramai 19 orang mahasiswa IPDAS yang terdiri daripada 8 orang lelaki dan 11 orang perempuan. Semasa pembahagian anak angkat, pihak pengurusan IPDAS telah memberi sumbangan barang asas keperluan.

Justeru itu, program ini menganjurkan banyak aktiviti atau acara bersama keluarga angkat dan juga masyarakat kampung, antaranya ialah aktiviti bersama keluarga angkat, pelaksanaan Kem Bestari Solat, aktiviti Jom Mengaji, Bantuan Rahmah Madani, Bicara Muslimah, Kursus Sembelihan, Forum Perdana bersama masyarakat Kundasang dan beberapa lagi program lain. Rasional program ini dilaksanakan adalah bagi melahirkan generasi rabbani yang berpendidikan tinggi dan menguasai ilmu naqli dan aqli. Dalam masa yang sama melengkapkan mahasiswa IPDAS dengan pelbagai dimensi kemahiran insaniah dan menyediakan keperluan guna tenaga, melahirkan mahasiswa yang berkeupayaan menjadi umarak dan pendakwah professional sesuai dengan objektif IPDAS.

Kajian Literasi

Secara umumnya, kajian literasi yang digunakan dalam kajian ini telah diklasifikasikan kepada lima kategori seperti rajah 1 berikut iaitu dakwah etnik, prospek dan cabaran dakwah, pelaksanaan dakwah di Sabah, dakwah interpersonal dan dakwah kontemporari.



Rajah 1: Klasifikasi dalam Kajian Literasi

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Kajian berkaitan dakwah telah ditulis dan dibincangkan oleh ramai ulama Islam sebelum ini. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan Pelaksanaan Dakwah Melalui Program Dekat di Nadi Anak Malaysia di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah masih belum dibincangkan. Kajian literatur ini akan menganalisis kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik kajian ini seperti kajian yang melibatkan pendekatan dakwah, pendekatan dakwah semasa dan kepentingan ilmu dakwah. Kajian pelaksanaan dakwah bagi kumpulan etnik juga dijalankan. Kajian oleh Mokhtar et al. (2021a) bertujuan untuk melihat landskap kehidupan etnik Sungai, reaksi kumpulan etnik Sungai terhadap ajaran Islam, faktor-faktor etnik Sungai yang memeluk Islam dan pelaksanaan dakwah yang sesuai untuk kumpulan etnik Sungai di Sabah. Hasil kajian mendapati kaedah mendekati kumpulan etnik Sungai dengan kebijaksanaan seperti memperdalam landskap kehidupan seharian mereka, muadalah, dakwah bil lisan dan dakwah umum adalah pelaksanaan dakwah yang berkesan. Kaedah pendekatan dakwah yang sesuai boleh menarik minat kumpulan etnik Sungai untuk memperdalam pemahaman mereka tentang Islam.

Kajian mengenai prospek dan cabaran pelaksanaan dakwah juga telah dijalankan oleh Mokhtar et al. (2021b). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis prospek dan cabaran pelaksanaan dakwah melalui media kontemporari sebagai kayu ukur kejayaan dakwah hari ini. Tahap pergantungan yang tinggi kepada media massa telah memberikan tamparan hebat kepada pendakwah untuk menyebarkan risalah yang benar dan menangkis semua bentuk maklumat palsu, terutamanya yang berkaitan dengan Islam. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai prospek dan cabaran yang perlu dihadapi oleh pendakwah masa kini seperti melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dalam teknologi maklumat, menyekat kemunculan ustaz dan 'maggi' ustazah, banjir maklumat berkaitan isu agama dan sebagainya. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan aspirasi kepada pendakwah masa kini sebagai persediaan awal sebelum menceburi bidang dakwah melalui media kontemporari.

Dalam kajian Mokhtar (2014), tujuannya adalah untuk mengenal pasti strategi pelaksanaan dakwah di JHEAINS, menganalisis Modul Kerohanian Jabatan Penjara Malaysia dan menilai pendekatan dakwah di Penjara Sandakan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) lebih terlibat secara langsung dalam melaksanakan

dakwah di penjara. Sementara itu, JHEAINS dan Persatuan Islam Sabah Bersatu (USIA) bertindak sebagai ejen pelaksana dasar itu. Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa Modul Kerohanian yang digunakan oleh penjara memerlukan perancangan dan perumusan semula sukatan pelajaran agar selaras dengan potensi dan kebolehan banduan. Tambahan pula, kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah yang digunakan oleh JHEAINS dan Penjara Sandakan untuk mendidik banduan ialah *Dakwah bi al-Nafs*, *Dakwah Fardiyyah*, *Dakwah bi al-Hāl*, *Dakwah al-cĀm* dan *Dakwah bi al-Risālah*. Strategi pelaksanaan dakwah menggunakan Modul Rohani yang dijalankan oleh JHEAINS untuk banduan penjara mempunyai implikasi yang besar khususnya kepada pegawai penjara dan pendakwah dalam menyebarkan dakwah Islam (Mokhtar et al., 2019)

Selain itu, kajian oleh Mokhtar et al. (2023a) bertujuan untuk melihat keutamaan dakwah bi al-Nafs sebagai pemangkin penyebaran virus mazmumah dalam kepimpinan sendiri. Hasil kajian ini mendapati bahawa dua aspek utama yang dijadikan petunjuk dalam pemangkin virus mazmumah itu sendiri ialah ibadah umum dan ibadah khas. Kedua-dua bentuk ibadah hendaklah dilakukan dengan ikhlas dan niat kepada Allah SWT dan bukan sekadar untuk mendapatkan pujian daripada makhluk. Bagi mewujudkan masyarakat sivil yang berteraskan nilai-nilai murni, kita harus menerapkan dakwah bi al-Nafs dalam kehidupan supaya virus mazmumah tidak mudah sampai ke hati setiap anak Adam.

Bagi kajian berkaitan dakwah bil akhlak, Mokhtar et al. (2021c) bertujuan untuk melihat sama ada dakwah bil akhlak kontemporari seorang usahawan dapat memenuhi konsep keusahawanan Islam serta bentuk moral yang diperlukan oleh Islam untuk seorang usahawan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah bil akhlak kontemporari mempunyai impak yang sangat positif terhadap konsep keusahawanan Islam dengan menerapkan akhlak murni seperti kejujuran, ikhlas, amanah, tanggungjawab, ikhlas, menunaikan janji, kesabaran, keadilan, ilmu, syukur, optimisme dan penyerahan diri kepada Allah SWT seperti yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Seorang usahawan akan mudah didekati, dipercayai dan dikunjungi oleh pelanggan dan boleh mengembangkan lagi hasil perniagaan mereka ke seluruh tempat.

Sorotan kesusasteraan yang berkaitan dengan pendekatan dakwah semasa juga dijalankan dalam kajian ini. Kajian oleh Mokhtar et al. (2021d) bertujuan untuk melihat nilai moral dalam puisi "*Ke Makam Bonda*" dari segi bahasa, nilai dan struktur melalui teori perkaitan. Selain itu, penyelidik juga melihat hubungan antara bahasa, nilai dan struktur dalam ayat-ayat puisi dan unsur-unsur dakwah supaya ia membawa kesedaran kepada pendengar. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa, penerapan nilai dan susunan struktur yang sistematik, apatah lagi pelaksanaan sajak ke dalam genre lagu tradisional nasyid, meningkatkan lagi tahap penghargaan pendengar terhadap mesej yang disampaikan. Kesan penyesuaian telah memberi kesan positif kepada masyarakat sehingga menjadi irama yang tenang untuk didengar dan meninggalkan kesan nasihat dan mesej dakwah yang sangat berguna. Ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan gaya bahasa dalam puisi Usman Awang sangat sesuai untuk penghargaan masyarakat dari dahulu hingga sekarang sehingga berjaya dimelodikan oleh sesiapa sahaja.

Selain itu, dakwah melalui filem juga dikaji oleh Gunaish et al. (2024) yang bertujuan untuk mengetahui peranan filem dokumentari yang diterbitkan oleh Unit Filem Malaya (MFU) dan Filem Nasional Malaysia (FNM) sebagai medium dakwah di Malaysia dan luar negara dari tahun 1957 hingga 1970. Hasil kajian menunjukkan bahawa filem dokumentari MFU dan FNM merupakan medium awal dakwah di Persekutuan Tanah Melayu selepas kemerdekaan. Ia juga

menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam di negara ini untuk tempoh yang ditetapkan. Tambahan pula, kajian oleh Mokhtar et al. (2023b) bertujuan untuk melihat peranan media digital dalam menyatukan komuniti pelbagai kaum untuk menerima pandangan dan pemikiran masing-masing mengenai sesuatu perkara.

Selain itu, kajian ini juga melihat faktor-faktor yang mengekang media kontemporari dalam membentuk perpaduan nasional di Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat empat peranan media digital dalam dakwah kontemporari iaitu menjangkau lebih ramai pendengar, serampang dua mata dalam masyarakat, berkongsi dan bertukar-tukar pendapat dengan individu daripada pelbagai latar belakang, dan dakwah kontemporari mudah diterima oleh penganut baru. Dari segi kekangan media digital dalam dakwah kontemporari, para penyelidik mendapati empat kekangan utama dalam membentuk perpaduan nasional iaitu ketiadaan peranti dalam mengakses media massa, kurang pengetahuan tentang cara menggunakan teknologi, kandungan video yang terlalu bebas dan fakta agama yang salah dan tidak tepat. Oleh itu, pendakwah hendaklah mempersiapkan diri terlebih dahulu sebelum menceburi adegan dakwah supaya usaha dakwah yang dijalankan mencapai matlamat mereka dengan jayanya.

Satu kajian berkaitan kepentingan ilmu dakwah juga telah dijalankan oleh Mokhtar et al. (2022a) dengan tujuan untuk mengetengahkan kepentingan ilmu dakwah kepada pendakwah hari ini mengikut perspektif Muhammad al-Ghazali dalam Kitab Fiqh al-Sirah. Hasil kajian mendapati tujuh aspek penting ilmu dakwah yang perlu diketahui oleh pendakwah hari ini iaitu orang berketurunan bangsawan, mempunyai rasa kesabaran yang tinggi, bijak dan bijak, mempunyai sumber kewangan yang baik, mempunyai akhlak yang mulia, mesra dan berhati mulia serta meningkatkan masa untuk refleksi diri. Dengan menggunakan kaedah dan manhaj dakwah yang disyorkan oleh Muhammad al-Ghazali, sudah pasti bahawa aktiviti dakwah yang dijalankan oleh seorang pendakwah akan membuahkan hasil yang diinginkan.

Selain itu, Mokhtar et al. (2021e) bertujuan untuk melihat kejuruteraan dakwah dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Sabah melalui kursus am universiti iaitu Apresiasi Etika dan Tamadun (PEDP) dari perspektif menerima dakwah dan keselesaan mereka dalam menerima teguran dan nasihat. Kajian mendapati ramai pelajar sangat bersetuju dengan pendekatan dan kejuruteraan dakwah yang diterapkan oleh pensyarah dalam kursus Apresiasi Etika dan Tamadun. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang diselitkan dengan unsur-unsur dakwah membolehkan pelajar menerima ilmu dengan mudah dan santai serta meninggalkan kesan positif dalam kehidupan mereka. Kajian ini diharapkan dapat menjadi penanda aras dalam pelaksanaan dakwah dalam era globalisasi semasa khususnya dalam bidang kejuruteraan dakwah kepada pelajar.

Kajian Hajimin et al (2021) bertujuan untuk mengkaji proses dakwah dan kesannya terhadap perubahan komposisi umat Islam di negeri ini. Hasil kajian mendapati usaha dakwah yang dijalankan di Sabah merupakan salah satu faktor utama perubahan komposisi umat Islam di Sabah. Ia lebih jelas lagi dari tahun 1967 hingga 1976 di bawah gerakan dakwah Persatuan Islam Sabah Bersatu (USIA) yang diketuai oleh Tun Datu Mustapha. Justeru, usaha dakwah di bawah kepimpinan Tun Datu Mustapha telah diiktiraf sebagai era di mana terdapat perubahan drastik dalam komposisi Islam daripada 38.7% pada tahun 1967 kepada 53% pada tahun 1976. Tambahan pula, kajian oleh Hajimin et al. (2022) membahaskan kesan penghijrahan agama terhadap perubahan adat dan budaya masyarakat Islam di Sabah. Hasil kajian mendapati

bahawa penghijrahan orang beragama telah membawa perubahan kepada adat dan budaya masyarakat Islam di Sabah. Bermula dengan penerimaan Islam sebagai pegangan agama, diikuti dengan proses dakwah dan pendidikan berterusan, amalan adat dan budaya berasaskan animisme telah dikurangkan kepada cara hidup berasaskan Islam. Kajian ini menunjukkan bahawa penghijrahan agama boleh memberi kesan yang besar kepada tempat yang mereka lawati, dan aspek ini perlu diterokai lebih lanjut untuk kajian lanjut. Berdasarkan kajian literatur, kajian Pelaksanaan Dakwah Melalui Program Dekat di Tengah-tengah Anak Malaysia di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah masih belum dibincangkan dan sangat relevan untuk dikongsi dengan pembaca.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan beberapa kaedah utama untuk mendapatkan data yang mendalam dan komprehensif mengenai pelaksanaan dakwah di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah. Pendekatan kualitatif ini dipilih kerana ia selaras dengan objektif kajian yang bertujuan untuk memahami fenomena sosial dengan lebih terperinci dan dari perspektif individu yang terlibat. Secara umumnya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti rajah 2 berikut.



Rajah 2: Ringkasan Metodologi dalam Kajian yang dijalankan

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

1. Analisis Dokumen

Kaedah ini digunakan untuk mengumpul maklumat sekunder melalui sumber rujukan yang berkaitan, termasuk buku, artikel jurnal, tesis, dan laporan penyelidikan yang berkaitan dengan dakwah, pendekatan dakwah semasa, dan program dakwah yang serupa. Kajian menggunakan analisis dokumen menyediakan asas teori yang kukuh untuk kajian ini dan membolehkan penyelidik memahami konsep dan pendekatan dakwah yang telah dibangunkan.

2. Temu bual

Kajian ini juga melibatkan sesi temu bual separa berstruktur dengan mereka yang terlibat dalam program dakwah termasuk penganjur, pelajar IPDAS, dan penduduk Kampung Mesilou. Temu bual ini dijalankan untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman secara langsung mengenai cabaran dan keberkesanan pelaksanaan program dakwah. Hasil temu bual membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat daripada perspektif peserta, yang

menambah nilai kepada penemuan kajian. Hasil dapatkan temu bual ini akan dimasukkan terus dalam teks mengikut perbincangan sebagai penguat kepada data sedia ada.

3. Turut serta

Pendekatan kaedah penyelidik mengambil bahagian dalam pelaksanaan aktiviti dakwah di kampung. Penglibatan langsung ini bukan sahaja membantu dalam memahami konteks tempatan tetapi juga mengukuhkan hubungan antara penyelidik dan masyarakat kampung. Kaedah ini membolehkan pemerhatian langsung terhadap interaksi antara peserta dan masyarakat kampung serta tindak balas penduduk terhadap program dakwah yang dilaksanakan.

4. Pemerhatian

Kaedah pemerhatian digunakan untuk mengumpul data secara langsung dengan memerhatikan keadaan, interaksi, dan reaksi penduduk terhadap aktiviti dakwah. Pemerhatian berterusan sepanjang program memberi peluang kepada penyelidik untuk mengenal pasti cabaran sebenar dan tahap keberkesanan program. Pemerhatian ini juga memberikan maklumat tambahan yang lebih objektif kerana ia berdasarkan apa yang dilihat tanpa dipengaruhi oleh tindak balas peserta.

Pendekatan dengan menggunakan gabungan semua kaedah ini menghasilkan data holistik, membolehkan kajian ini mencerminkan secara komprehensif pelaksanaan program dakwah serta cabaran yang dihadapi di Kampung Mesilou, Kundasang.

Perancangan Dan Konsep Pelaksanaan Program

Setiap program dan aktiviti yang dijalankan memerlukan perancangan yang teratur serta terperinci bersama ahli kumpulan bagi memastikan kelancaran program yang hendak dilaksanakan seperti program yang berimpak tinggi dan memerlukan tenaga kerja yang banyak. Antara aktiviti yang telah dirancang oleh ahli jawatankuasa pelaksana program, ialah Program Bicara Muslimah, Program Forum Perdana, Program Kesihatan yang mana program tersebut merupakan aktiviti kolaborasi bersama Kumpulan 2 iaitu daripada Kampung Cinta Mata. Manakala, Program Pengurusan Jenazah, Kursus Sembelihan, Karnival Sukan, Program Kesihatan, Malam Akustika dan selebihnya merupakan aktiviti yang dirancang bersama mahasiswa ahli kumpulan satu. Antara program sampingan yang lain ialah Program Menuju Puncak Thalibul 'Ilmi di Bukit 3 Sixty Mesilou, Gotong-royong Masjid dan Surau, Khidmat Masyarakat, Ziarah Mahabbah, Sambutan Perarakan Maulidurrasul, Jom Mengaji, Kem Bestari Solat, dan Pertandingan Smart Seni Islamik.

Selain itu, bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berjalan dengan lancar, ahli Kumpulan 1 mengubah dan memperbaharui jadual yang sedia ada mengikut kesesuaian tempat dan keadaan di Kampung Mesilou. Justeru itu, mahasiswa telah melantik ahli jawatankuasa dalam kumpulan supaya pelaksanaan program lebih tersusun dan teratur. Antara ahli jawatankuasa yang dilantik adalah seperti Setiausaha, Bendahari, AJK Media dan Teknikal, AJK Hadiah dan Cenderahati, AJK Makanan serta beberapa lagi turut bekerjasama dalam pelaksanaan program. Hal ini bertujuan untuk memastikan setiap program yang dilaksanakan lebih teratur dan mampu mencapai objektif dan matlamat dakwah dengan baik.

Aktiviti Dakwah Berimpak Tinggi

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti dakwah yang berimpak tinggi di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah.



Rajah 3: Aktiviti Dakwah Berimpak Tinggi di Kampung Mesilou, Kundagsang

Sumber: Kajian Lapangan 2025

1. Kursus Pengurusan Jenazah

Program Pengurusan Jenazah telah dilaksanakan pada tarikh 13 November 2023 bersamaan hari Isnin. Program tersebut dilaksanakan di Masjid al-Hikmah Kampung Mesilou dan berlangsung pada waktu 8:30 pagi sehingga selesai. Pelaksanaan Kursus Pengurusan Jenazah ini dilakukan menggunakan dua kaedah iaitu penerangan secara teori dan secara praktikal. Penerangan secara teori, mahasiswa telah menyediakan Slide Pengurusan Jenazah untuk dibentangkan dan diterangkan kepada sasaran yang mana mahasiswa menekankan perkara wajib, sunat, makruh dan haram dalam pengurusan jenazah. Seterusnya, penerangan secara praktikal dilakukan mahasiswa bersama-sama penduduk kampung yang mana ianya dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan muslimat dan kumpulan muslimin. Salah satu matlamat program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat kampung tentang cara pengurusan jenazah yang mengikuti syariat agama Islam.

2 Kursus Sembelihan

Program Kursus Sembelihan telah dilaksanakan pada 14 November 2023 bersamaan hari Selasa di Masjid Al-Hikmah Kampung Mesilou, Kundasang. Program ini berlangsung pada sebelah pagi bermula pada waktu 8:30 pagi sehingga selesai. Pelaksanaan Kursus Sembelihan tersebut menggunakan dua kaedah penerangan iaitu secara teori dan praktikal. Penerangan secara teori, mahasiswa telah menyediakan *Slide* Kursus Sembelihan yang menerangkan tentang perkara wajib, sunat dan makruh, syarat-syarat serta cara-cara penyembelihan dengan betul dan mengikut syariat. Seterusnya, penerangan secara praktikal dilakukan oleh mahasiswa bersama-sama penduduk kampung yang hadir. Setelah selesai kursus sembelihan pada sebelah pagi, mahasiswa telah meneruskan dengan aktiviti memasak dan mengagihkan bubur lambuk kepada masyarakat kampung di sebelah petang. Aktiviti ini adalah kesinambungan daripada kursus sembelihan yang telah dilaksanakan. Antara matlamat program ini adalah untuk mendedahkan masyarakat dan generasi muda tentang ilmu dan cara penyembelihan yang

berlandaskan syariat. Di samping itu, dapat mengeratkan ukhuwah mahasiswa bersama penduduk kampung melalui aktiviti agihan bubur lambuk.

3 Program Jom Mengaji

Program Jom Mengaji merupakan salah satu aktiviti harian yang berjaya dilaksanakan secara konsisten selama dua minggu di Kampung Mesilou. Program tersebut merupakan aktiviti kelas mengaji al-Quran dan Iqra' yang mana dilaksanakan setiap hari pada sebelah malam selama satu jam iaitu selepas solat fardhu Isya' dari masa 7:30 malam sehingga selesai. Program tersebut mendapat perhatian dan sambutan daripada penduduk kampung tidak kira dari golongan dewasa, remaja mahupun kanak-kanak. Lokasi pelaksanaan bagi program tersebut dibahagikan kepada dua tempat iaitu di Masjid Al-Hikmah dan Surau Al-Hikmah. Pembahagian tempat ini dilakukan atas kemahuan masyarakat kampung, yang mana di Masjid adalah untuk kelas mengaji bagi lelaki dan di surau adalah tempat mengaji bagi muslimat. Tujuan pembahagian tempat adalah bagi memudahkan perjalanan pergi dan balik serta demi keselesaan sepanjang kelas mengaji. Antara matlamat program ini adalah untuk menyebarkan ilmu bacaan al-Quran dengan tajwid yang betul agar masyarakat kampung dapat mempraktikkan bacaan yang betul dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu mahasiswa juga dapat meningkatkan dan mengukuhkan ilmu bacaan al-Quran yang telah dipelajari selama di IPDAS.

4 Program Smart Seni Islamik

Program *Smart* Seni Islamik telah dilaksanakan pada tarikh 15 November 2023 bersamaan hari Rabu, bermula dari jam 2:00 petang sehingga jam 4:00 petang. Program *Smart* Seni Islamik tersebut melibatkan murid-murid daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR) Kampung Mesilou, yang berjumlah 78 orang murid dan terdiri dari murid Tahap 1 dan Tahap 2. Pengisian program tersebut adalah mengadakan beberapa pertandingan yang menarik seperti pertandingan Tilawah al-Quran, Hafazan, Mewarna, Azan dan Iqamat, dan Kuiz Islamik. Pertandingan tersebut berjaya dilaksanakan dengan lancar kerana mendapat tarikan dan sambutan dari kalangan murid-murid dengan baik. Justeru itu, turut mendapat sokongan dan dorongan daripada pengerusi masjid yang juga merupakan Guru Besar Sekolah Agama Rakyat (SAR) iaitu Ustaz Rosailin bin Juhimin. Seterusnya, salah satu punca tarikan program tersebut adalah, mahasiswa telah menyediakan hadiah dan saguhati yang menarik kepada murid-murid. Salah satu matlamat program tersebut adalah untuk mencungkil bakat para pelajar Sekolah Agama Rakyat, di samping itu dapat memupuk semangat mereka untuk hadir dan tampil berani dalam menyertai segala program atau acara yang dipertandingkan di dalam sekolah mahupun di luar sekolah. Justeru itu, mahasiswa juga dapat pengetahuan baharu dalam mengurus emosi dengan baik ketika pembelajaran yang melibatkan kanak-kanak yang agak mencabar dan mendapat pengalaman yang menarik bersama murid-murid Sekolah Agama Rakyat.

5 Program Kem Bestari Solat (Siri I & Siri II)

Program Kem Bestari Solat telah dilaksanakan pada tarikh 8 November 2023 dan pada tarikh 10 November 2023 bersamaan hari Rabu dan hari Jumaat. Pelaksanaan program tersebut memfokuskan keterlibatan daripada murid Sekolah Agama Rakyat (SAR) Kampung Mesilou yang terdiri dari 78 orang murid. Program tersebut berjaya dilaksanakan dengan lancar dan mendapat sokongan serta dorongan daripada Guru Besar Sekolah Agama Rakyat (SAR) iaitu Ustaz Rosailin bin Juhimin yang juga merupakan Pengerusi Masjid Al-Hikmah Kampung Mesilou. Program ini juga turut mendapat sokongan dari jawatankuasa kampung, para ibu bapa

dan keluarga angkat dengan baik sekaligus menggalakkan anak-anak mereka untuk menyertai program tersebut.

Program Kem Bestari Solat ini dilaksanakan secara bersiri atas sebab kekangan masa dan agar tidak bertembung dengan program-program lain. Siri I telah diadakan pada 8 November 2023 bersamaan hari Rabu bertempat di Surau Al-Hikmah Kampung Mesilou. Pengisian program adalah mendedahkan pembelajaran yang berkaitan Rukun Islam, Rukun Iman, 10 Malaikat, 25 orang Rasul dan Rasul Ulul Azmi. Sesi pembelajaran menggunakan dua kaedah iaitu melalui tayangan video dan lagu, serta sesi menjawab kertas soalan dan soal jawab secara rawak.

Manakala, Kem Bestari Solat Siri II berlangsung pada tarikh 10 November 2023 bersamaan hari Jumaat bertempat di Masjid Al-Hikmah Kampung Mesilou. Pengisian program ini mendedahkan pembelajaran tentang solat fardhu kepada murid-murid. Sesi pembelajaran menggunakan tiga kaedah iaitu melalui tayangan video, menjawab kertas soalan dan soal jawab secara rawak, kemudian secara praktikal. Program Kem Bestari Solat Siri I dan Siri II turut mendapat sambutan hangat daripada kalangan murid-murid SAR yang berjumlah 78 orang. Hal ini kerana, pelaksanaan program bukan hanya secara teori semata-mata tapi diselangi dengan tayangan video dan lagu, serta mendapat saguhati yang menarik, menjadi salah satu daya penarik mereka sepanjang program berlangsung. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi pendedahan dan meningkatkan ilmu pengetahuan generasi muda yakni anak-anak pelajar Kampung Mesilou tentang ilmu asas fardhu ain.

Cabaran Utama

Berdasarkan pemerhatian mahasiswa selama menjalankan Program Dekat Di Hati 'Anak Malaysia' 2023 di Kampung Mesilou, terdapat beberapa cabaran yang telah dihadapi sepanjang beramal dakwah. Antaranya ialah, tahap penghayatan Islam yang rendah, penduduk kampung di ambang kemodenanisasi, kedudukan geografi kampung yang mencabar, penetapan masa yang kurang sesuai, serta peralatan dan perkhidmatan program yang terhad.

Tahap Penghayatan Islam yang Rendah

Cabaran yang pertama adalah tahap penghayatan Islam dalam diri masyarakat kampung agak kurang. Hal ini dapat dilihat berdasarkan komitmen orang kampung terhadap program dan aktiviti yang telah dilaksanakan kurang memberangsangkan. Misalnya, Program Kesihatan, Kursus Pengurusan Jenazah, Kursus Sembelihan dan beberapa program lain. Selain masyarakat kampung yang sibuk dengan aktiviti-aktiviti mereka sendiri, terdapat juga dalam kalangan mereka yang mempunyai *mindset* (pemikiran) yang mana menganggap program seperti itu tiada kepentingan bagi mereka untuk menghadirkan diri. Justeru, ada juga segelintir warga yang menyatakan mereka sudah mengetahui dan sudah mempelajari ilmu pengurusan jenazah dan sembelihan. Oleh itu, mereka kurang memberi komitmen sepenuhnya terhadap program yang dilaksanakan.

Penduduk Kampung di Ambang Kemodenanisasi

Cabaran kedua adalah penduduk kampung sudah berada di ambang kemodenanisasi. Salah satu faktor adalah, suasana iklim yang sejuk dan pemandangan kampung yang indah serta berdekatan dengan pemandangan Gunung Kinabalu, menyebabkan Kampung Mesilou menjadi tumpuan pelancong. Oleh itu, majoriti penduduk kampung menjadikan tanah mereka sebagai tapak untuk pembinaan *Homestay* (rumah penginapan pelancong), dan membuka banyak jenis perniagaan. Justeru, terdapat penduduk yang berhijrah ke luar atas sebab pekerjaan dan

menyambung pendidikan. Hal ini menjadikan sasaran dakwah yang memfokuskan warga kampung sukar dicapai. Misalnya, ketika penyebaran poster dan *brochure* yang mengandungi senarai program dan tentatif program dari rumah ke rumah, mahasiswa menghadapi kesukaran dalam mengenal pasti sama ada itu rumah penduduk kampung ataupun rumah penginapan pelancong. Hal ini berkemungkinan akan menyebabkan informasi mengenai program dan aktiviti dakwah yang ingin dilaksanakan bersama orang kampung sukar dicapai.

Kedudukan Geografi Kampung yang Mencabar

Cabaran dakwah yang ketiga adalah kedudukan geografi Kampung Mesilou yang agak mencabar. Kawasan kampung adalah berbukit dan penempatan rumah mahasiswa ada yang berada di kawasan tanah yang tinggi dan ada juga berada di kawasan tanah yang rendah. Begitu juga kedudukan tempat untuk melaksanakan aktiviti seperti masjid, dewan dan surau. Hal ini menjadi salah satu kekangan terhadap mahasiswa dalam melakukan persiapan program, dan ia juga merupakan salah satu cabaran dalam menjalankan program dakwah kerana berkemungkinan akan menghadapi risiko kurangnya kehadiran penduduk kampung terhadap program yang dilaksanakan.

Penetapan Masa yang Kurang Sesuai

Cabaran yang keempat adalah penetapan masa yang kurang sesuai. Hal ini demikian kerana, sepanjang berada di Kampung Mesilou, telah berlaku pertembungan tarikh program yang hendak dilaksanakan dengan tarikh program yang diadakan masyarakat kampung. Misalnya seperti program Kursus Pengurusan Jenazah yang sepatutnya dilaksanakan pada tarikh 12 November 2023 telah dianjak kepada tarikh 13 November 2023. Pertukaran tarikh tersebut telah menyebabkan jadual program berubah dan mengganggu aktiviti-aktiviti dakwah yang lain. Oleh itu, penetapan tarikh yang kurang sesuai merupakan salah satu cabaran dakwah di Kampung Mesilou, Kundasang.

Peralatan dan Perkhidmatan Program yang Terhad

Cabaran yang terakhir adalah dari segi kekurangan peralatan dan perkhidmatan yang perlu digunakan dalam program-program tertentu. Antaranya, penggunaan mesin pencetak terhad kerana perlu berkongsi dengan ahli kumpulan lain daripada Kampung Cinta Mata, begitu juga dengan peralatan *Liquid Crystal Display* (LCD), mikrofon dan *speaker* (pembesar suara). Seterusnya, piring dan gelas VIP serta beberapa lagi peralatan lain untuk kegunaan program perlu diusahakan sendiri.

Seterusnya, penggunaan perkhidmatan kenderaan yang terhad, menjadi cabaran kepada mahasiswa ketika menjalankan program di luar. Hal ini demikian kerana, van yang disediakan untuk setiap kampung hanya satu van sahaja yang mana hanya memuatkan seramai 12 orang penumpang. Oleh itu, van tersebut terpaksa berulang-alik untuk membawa mahasiswa seramai 19 orang ke tempat program ataupun membeli barang keperluan program. Justeru, kadangkala mahasiswa di Kampung Mesilou, perlu berkongsi dan bergilir-gilir menggunakan perkhidmatan kenderaan tersebut dengan mahasiswa dari kumpulan 2 di Kampung Cinta Mata. Hal ini akan menyebabkan kelewatan mahasiswa ke tapak program dan mengganggu persiapan program. Ringkasan cabaran dalam implementasi dakwah di Kampung Mesilou adalah seperti rajah 4 berikut.



Rajah 4: Cabaran Dakwah di Kampung Mesilou, Kundasang

Sumber: Kajian Lapangan 2025

Perbincangan

Berdasarkan cabaran yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa dapatan yang dikenalpasti oleh mahasiswa dalam menghadapi cabaran ketika pelaksanaan program di Kampung Mesilou. Antaranya ialah, tahap penghayatan Islam semakin meningkat, kemodenanisasi bukan penghalang kepada dakwah, menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, menetapkan tarikh program yang lebih sesuai, serta menyediakan dan menggunakan penyelesaian lain.



Rajah 5: Hasil Dapatan Dakwah di Kampung Mesilou, Kundasang

Sumber: Kajian Lapangan 2025

Tahap Penghayatan Terhadap Islam Semakin Meningkat

Berdasarkan pemerhatian mahasiswa, tahap penghayatan Islam masyarakat kampung semakin meningkat dari masa ke semasa. Setelah beberapa hari melaksanakan program dan aktiviti dakwah di Kampung Mesilou, komitmen masyarakat untuk menghadiri program yang dilaksanakan di hari yang seterusnya mendapat sambutan yang memuaskan. Antaranya, program Malam Akustika, program Bicara Muslimah, program Jom Mengaji, Karnival Sukan dan beberapa program lain telah mendapat sambutan yang baik. Masyarakat kampung turut dapat memberi kerjasama yang baik dalam melakukan persiapan program seperti aktiviti memasak dan memberi pinjam peralatan bagi penyediaan jamuan selepas program seperti bekas lauk, pinggan, gelas, sudu dan beberapa lagi peralatan lain. Hal ini membuktikan, bahawa tahap penghayatan masyarakat terhadap aktiviti dakwah semakin meningkat.

Kemodenanisasi Bukan Penghalang kepada Dakwah

Berdasarkan cabaran yang kedua, mahasiswa memperoleh dapatan bahawa kemodenanisasi penduduk bukan penghalang kepada aktiviti dakwah yang dijalankan. Walaupun majoriti penduduk di kampung tersebut sibuk dengan pekerjaan mereka sendiri, namun mahasiswa tidak berputus asa dalam menyebarkan poster dan *brochure* setiap kali ingin melaksanakan suatu program. Sebagai contoh, mahasiswa tetap mengedarkan poster dan *brochure* program ke rumah penduduk kampung, gerai atau warung, dan menampalkan poster di setiap tiang-tiang elektrik dan seumpamanya.

Di samping itu, mahasiswa beramah mesra dengan penduduk kampung sekiranya terserempak di masjid dan gerai-gerai sambil mempromosikan program yang bakal dilaksanakan agar penduduk dapat membantu menyebarkan info berkenaan dan dapat menghadirkan diri ke program yang dilaksanakan. Seterusnya, mahasiswa menggunakan metod dakwah yang lain agar info berkenaan program yang dilaksanakan dan disebarkan kepada masyarakat kampung.

Sebagai contoh, mahasiswa telah membuat *Group Whatsapp* bersama jawatankuasa kampung dan keluarga angkat agar mereka dapat menyebarkan info program dan aktiviti dakwah yang dijalankan kepada masyarakat kampung melalui atas talian.

Menggunakan Perkhidmatan dan Kemudahan yang Disediakan

Berdasarkan cabaran yang ketiga adalah kedudukan geografi kampung yang mencabar dan perlu melalui jalan bukit, serta rumah keluarga angkat mahasiswa berjauhan, ada yang berada di kawasan tanah tinggi, begitu juga dengan kedudukan tempat menjalankan program dakwah seperti masjid, surau dan dewan. Mahasiswa memperoleh dapatan dalam menghadapi cabaran tersebut adalah dengan menggunakan perkhidmatan kenderaan yang telah disediakan oleh jawatankuasa kampung dan keluarga angkat sendiri. Jawatankuasa kampung dan keluarga angkat mahasiswa banyak memberi bantuan perkhidmatan dan kemudahan untuk melakukan persiapan program. Misalnya, mereka memberi pinjam kenderaan untuk membawa barang-barang dan peralatan program seperti *speaker* (pembesar suara), *LCD*, meja dan kerusi serta sebagainya untuk dibawa ke tapak program. Selain itu, mahasiswa juga tidak menjadikan kedudukan geografi tersebut sebagai penghalang untuk meneruskan program dakwah, justeru mahasiswa boleh berjalan kaki ke tapak program dengan tenang.

Menetapkan Tarikh Program yang Sesuai

Berdasarkan cabaran yang keempat, mahasiswa memperoleh dapatan dalam menghadapi cabaran tersebut dengan menetapkan tarikh program dakwah kepada yang lebih sesuai dan mendahulukan program yang diadakan masyarakat kampung tersebut. Misalnya penetapan tarikh bagi Kursus Pengurusan Jenazah dari 12 November kepada 13 November, membuatkan kursus tersebut berjalan dengan lancar tanpa berlaku sebarang pertembungan aktiviti. Justeru itu, mahasiswa dapat menjalin hubungan baik dengan masyarakat kampung kerana adanya sikap saling menghormati dan mahasiswa turut bersama-sama meraikan program yang diadakan penduduk kampung iaitu aktiviti gotong-royong Kampung Mesilou.

Menyediakan dan Menggunakan Jalan Penyelesaian yang Lain

Berdasarkan cabaran yang terakhir berkenaan peralatan dan perkhidmatan program yang terhad, mahasiswa memperoleh dapatan dalam menghadapi cabaran tersebut dengan menyediakan dan menggunakan jalan penyelesaian yang lain. Peralatan dan perkhidmatan yang terhad bukan penghalang dalam menjalankan program. Misalnya, ketika program Pengurusan Jenazah pada tarikh 13 November 2023, program tersebut memerlukan penerangan melalui paparan skrin dari *LCD*, serta memerlukan mikrofon dan pembesar suara. Namun perkhidmatan tersebut tidak dapat digunakan pada waktu itu kerana masih digunakan oleh mahasiswa kumpulan lain. Walaupun demikian, mahasiswa Kumpulan 1 tetap meneruskan penerangan dan menjelaskan dengan terperinci berkenaan cara pengurusan jenazah tanpa menggunakan paparan skrin kemudian meneruskan penerangan secara praktikal. Selain itu, sekiranya mahasiswa kekurangan peralatan lain dalam membuat persiapan program seperti meja VIP, pinggan dan sudu VIP, kerusi VIP serta beberapa keperluan dan perhiasan dewan yang lain, mahasiswa menggunakan jalan penyelesaian yang lain dengan memohon kebenaran jawatankuasa kampung, pengerusi masjid, dan keluarga angkat masing-masing agar mereka dapat menyediakan dan memberi pinjam barang-barang dan peralatan tersebut. Di samping itu, mahasiswa menggunakan dana bagi membeli keperluan yang lain untuk kegunaan program.

Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan selama dua minggu program berlangsung, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang ingin disuarakan bagi meningkatkan lagi mutu dan keberkesanan program yang akan datang. Antara cadangan penambahbaikan adalah dari segi pengangkutan. Mahasiswa ingin mencadangkan penambahan pengangkutan dan menyediakan dua van di setiap kampung. Hal ini kerana, bagi memudahkan mahasiswa untuk sampai ke tapak program mengikut masa yang ditetapkan, tanpa perlu menunggu giliran kedua yang menyebabkan kelewatan dan terlebih masa apatah lagi jika program tersebut mempunyai jarak yang jauh dan terpaksa menghadapi kesesakan lalu lintas.

Selain itu, cadangan penambahbaikan dari segi peruntukan dana. Mahasiswa mencadangkan agar pihak pengurusan menyediakan dana yang lebih kepada setiap kumpulan agar mahasiswa dapat menyediakan keperluan program dengan cukup dan meriah dengan kelengkapan yang sempurna. Misalnya untuk membuat infaq atau sumbangan seperti al-Quran dan Iqra, sejadah dan beberapa lagi kepada masjid dan surau. Penyediaan dana yang lebih juga dapat mengurangkan sebarang risiko ketidakcukupan wang ketika membeli barang keperluan program, seterusnya dapat mengelakkan risiko mahasiswa menggunakan wang saku sendiri.

Seterusnya, cadangan penambahbaikan dari segi penambahan kemudahan dan peralatan yang disediakan pihak pengurusan. Misalnya seperti *LCD*, mikrofon, pembesar suara, pekhidmatan mesin pencetak dan seumpamanya. Mahasiswa mencadangkan untuk menambahkan perkhidmatan mesin pencetak sekurang-kurang dua atau tiga yang khusus digunakan dalam Program Dekat Di Hati 'Anak Malaysia' agar setiap kumpulan dapat melaksanakan kerja-kerja dengan lancar tanpa perlu berkongsi dengan kumpulan lain. Hal ini kerana, sebarang risiko sukar dijangka akan berlaku. Seandainya berlaku pertembungan program dengan kumpulan lain dan dalam masa yang sama kedua kumpulan memerlukan peralatan yang sama, ianya memberi kekangan dan akan berlaku kekurangan dalam melaksanakan program.

Di samping itu, cadangan penambahbaikan dari segi penambahan tempoh program. Berdasarkan pemerhatian mahasiswa sepanjang melaksanakan program selama dua minggu, tempoh yang diberikan tersebut terasa sangat padat dan perlu ditambahkan lagi beberapa hari atau mengikut kesesuaian pihak pengurusan IPDAS. Hal ini demikian kerana, kepadatan tempoh masa tersebut menyebabkan ada program yang dianjurkan mahasiswa terpaksa ditangguhkan atas sebab kekangan masa ataupun masalah cuaca. Penambahan tempoh program dapat memberi peluang kepada mahasiswa untuk mengatur dengan lebih baik setiap program yang hendak dilaksanakan, justeru itu mahasiswa dapat meluangkan masa lebih bersama keluarga angkat masing-masing.

Kesimpulan

Sepanjang pelaksanaan Program Dekat Di Hati 'Anak Malaysia' di Kampung Mesilou, mahasiswa mendapat layanan yang baik daripada keluarga angkat dan masyarakat kampung. Keluarga angkat menyediakan tempat tinggal yang selesa dan menjaga makan minum mahasiswa sepanjang program. Justeru itu, keluarga angkat dan masyarakat kampung memberi sokongan dan dorongan dalam melaksanakan sebarang program yang akan dilaksanakan dengan menggalakkan penyertaan dari kalangan anak-anak mereka terhadap program yang dianjurkan mahasiswa. Selain itu, mahasiswa dapat mengeratkan hubungan yang baik bersama keluarga angkat dan masyarakat kampung melalui program-program yang dianjurkan mahasiswa seperti, khidmat keluarga bersama keluarga angkat, aktiviti gotong-royong bersama

masyarakat kampung, aktiviti sukaneka, aktiviti Jom Mengaji, program Malam Akustika dan seumpamanya. Seterusnya, daripada program ini mahasiswa dapat memperoleh banyak ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam mengurus dan mengatur program. Hal ini kerana, sepanjang persediaan program mahasiswa dapat mengatur masa, menyusun gerak kerja dan bekerjasama antara ahli kumpulan dalam menyiapkan persiapan program tanpa pemantauan sepenuhnya daripada pensyarah. Ini membuktikan, mahasiswa telah berjaya mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang mereka pernah pelajari sepanjang berada di IPDAS kemudian mengaplikasikannya di tempat lapangan amali.

Di samping itu, setiap program yang dianjurkan oleh mahasiswa mendapat perhatian dan sambutan yang agak memuaskan daripada masyarakat kampung. Hal ini membuktikan setiap program yang dianjurkan telah memberi kesan yang positif terhadap masyarakat kampung. Ini membuktikan mahasiswa telah berjaya melaksanakan program dengan baik. Tuntasnya, Program Dekat Di Hati 'Anak Malaysia' 2023 yang ditempatkan di Kampung Mesilou, Kundasang dapat mencapai matlamat dakwah yang berkesan melalui pelaksanaan program-program yang dianjurkan. Setiap program yang dijalankan telah memberikan impak yang positif kepada penduduk Kampung Mesilou juga kepada mahasiswa IPDAS. Kesimpulannya, pelaksanaan Program Dekat Di Hati 'Anak Malaysia' 2023 (PDDHAM) merupakan program yang sangat memberi banyak pengajaran dan pengalaman yang sangat menarik terhadap mahasiswa Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). Matlamat dakwah melalui program ini berjaya dicapai walaupun pihak pengurusan dan mahasiswa perlu mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan sepanjang keberlangsungan program. Oleh itu, kami mengharapkan agar agensi-agensi keagamaan dapat sama-sama berganding bahu bagi melestarian program seperti ini pada masa akan datang agar syiar dakwah islamiah sentiasa berada di mercu kejayaan.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Keningau, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (PPIB, UMS) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) di atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Yasim, M. A. (2024). Cabaran Amali Dakwah IPDAS. Temu bual. 01 September. Mohd Nasrun Mohd Talib. (2024). *Pendekatan Dakwah Dalam Kepimpinan Tun Sakaran Dandai di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Ahmad Shukri, J. A. (2024). Sistem pembelajar pelajar IPDAS dan Cabaran pelaksanaan program Amali Dakwah. Temu bual. 21 Ogos.
- Ahmad Shukri, J. A., Awgku Matarsat, D. E., & Rahmat, S. N. (2024). Kolokium Dakwah IPDAS 2023. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.
- al-Naysaburi. (2006). *Shahih Muslim: al-Musnad al-Shahih al-Mukhtasar Min Sunani Binaqli al-Adli 'an al-Adli Ila Rasulillah*. Riyadh-Arab Saudi: Dar al-Toibah Linnasyri wa al-Tauzi'i.
- Gunaish, C. F., Abdullah, M. F., Mokhtar, S., Abd Wahab, N., & Tahir, A. (2024). Da'wah through Documentary Films Produced by Malayan Film Unit (MFU) and Filem Negara Malaysia (FNM), 1957-1970. *Intellectual Discourse*, 32(1). <https://doi.org/10.31436/id.v32i1.1949>.
- Hajimin, M. N. H. H., Abang Muis, A. M. R., Mokhtar, S., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Hamid, J. A. (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan

- Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 125-139.
- Hajimin, M. N. H., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., & Pullong, A. (2022). Migrasi Agamawan Dan Impaknya Terhadap Adat dan Budaya Masyarakat Islam di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 350 - 363.
- Mokhtar, S. (2014). *Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Marinsah, S. A. (2021e). Rekayasa Dakwah KBAT Dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (39), 178-193.
- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021d). Nilai Moral Dalam Sajak 'Ke Makam Bonda' Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai Dan Struktur Serta Kaitannya Dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 76-91.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021a). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021c). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan Dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 111 - 123.
- Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M. N. H., & Adam, S. D. A. (2022a). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 - 337.
- Mokhtar, S., Thia, K., & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Talib, M. N. M. (2023b). Peranan Media Digital Dalam Dakwah Kontemporari Bagi Membentuk Kesepaduan Nasional Masyarakat di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 47-60.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., Mohd Mokhtar, R. A., Abd Rahim, S., & Zaini, M. S. (2023a). Dakwah Bi al-Nafs: Pemangkin Penularan Virus Mazmumah Dalam Kepimpinan Kendiri. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 230 - 241
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021b). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th *International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)* 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.

Lampiran A



Gambar 1: Aktiviti Menuju Puncak Thalibul 'Ilmi di Bukit Mesilou 3 Sixty



Gambar 2: Program Kesihatan "Jom Sihat" di Dewan Kg. Mesilou



Gambar 3: Program Bicara Muslimah di Dewan Kg. Mesilou



Gambar 4: Program Kem Bestari Solat bersama pelajar SAR Kg. Mesilou



Gambar 5: Program Karnival Sukan



Gambar 6: Perlawanan Persahabatan Badminton (Pelajar IPDAS & Warga Mesilou)